

# Putrajaya, Seoul semarak Dasar Pandang Ke Timur 2.0

Oleh **JUANI MUNIR ABU BAKAR**  
juani.bakar@mediamulia.com.my

**PETALING JAYA:** Malaysia dan Korea Selatan bersetuju memperkasakan empat bidang termasuk kerjasama ekonomi yang merangkumi usaha menyemarakkan Dasar Pandang Ke Timur 2.0.

Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim berkata, perkara itu dirintis hasil pertemuan dua hala antara beliau dan Presiden Korea Selatan, Yoon Suk Yeol di Pejabat Presiden di Yongsan, Seoul.

Katanya, kedua-dua pihak bersetuju mengeratkan hubungan dalam empat lapangan iaitu kerjasama politik dan keselamatan serta kerjasama ekonomi merangkumi aspek pelaburan dan perdagangan, menyemarakkan Dasar Pandang Ke Timur 2.0, digital dan teknologi maklumat, infrastruktur, kesihatan dan sains perubatan serta alam sekitar dan tenaga dan pertanian.

“Selain itu, kerjasama budaya, pendidikan dan pelancongan di mana kedua-dua negara bersetuju untuk mempertingkatkan kerjasama sektor awam dan swasta serta Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET).

“Kerjasama serantau dan di peringkat global di mana kedua-dua negara mengemukakan keras tindakan Republik Demokratik Rakyat Korea (DPRK) yang telah melancarkan peluru berpandu balistik pada 31 Oktober lalu, selain menegaskan beberapa isu serantau dan global lain,” katanya dalam satu kenyataan, semalam.

Pertemuan Anwar dan Suk Yeol disusuli pertukaran memorandum persefahaman (MoU)



**ANWAR Ibrahim memulakan lawatan rasmi ke Korea Selatan dengan mengadakan kunjungan hormat ke atas Yoon Suk Yeol di Pejabat Presiden di Yongsan, Seoul, semalam. - PEJABAT PERDANA MENTERI**

membabitkan tiga bidang iaitu Kerjasama dalam Pendekatan Kerjasama di bawah Artikel 6, Perenggan 2 Perjanjian Paris; Kerjasama dalam Sektor Pemangkapan dan Penyimpanan Karbon (CCS); dan Kerjasama dalam Sektor Pendidikan Tinggi.

Menurut Anwar, kunjungan itu amat penting untuk kedua-dua negara yang akan menyambut hubungan jubli nilam pada 2025 selain terus mencari ruang dan lapangan bagi merapatkan kerjasama erat.

Menurutnya, Korea Selatan bakal menguruskan Asia Pasifik (APAC) dan Malaysia pula akan menguruskan ASEAN pada tahun hadapan.

“Presiden Yoon dan saya pantas berikrar untuk bekerja dengan lebih dekat dan sederap bagi melonjak kepentingan dan nilai yang dikongsi secara bersama,” katanya.

Perdana Menteri berkata, Malaysia dan Korea Selatan akan terus bekerjasama dalam pelbagai lapangan berkepentingan

selain mendepani cabaran yang mengesankan rantau dan dunia.

Selain pertemuan dua hala bersama Suk Yeol, Anwar yang kini dalam lawatan rasmi dijadual mengadakan pertemuan dengan tokoh korporat Korea Selatan dan menyampaikan ucapan dalam forum perniagaan yang dihadiri lebih 180 syarikat di negara berkenaan.

Lawatan rasmi diakhiri dengan majlis ramah mesra bersama diaspora Malaysia di Korea Selatan.